

**Bahagian A**  
**[10 markah]**

**Soalan 1 hingga 3**

*Pilih jawapan yang paling sesuai.*

- 1 Ben Li dan rakan-rakannya memasang \_\_\_\_\_ di dalam dewan sekolah.  
A pondok  
B muzium  
C khemah  
D hospital
  
- 2 Murid-murid itu didenda oleh Cikgu Lim kerana \_\_\_\_\_ tidak menyiapkan kerja sekolah.  
A ia  
B dia  
C beliau  
D mereka
  
- 3 *Pilih ayat yang betul.*  
A Chun Han menuruni tangga yang nipis dengan berhati-hati.  
B Rumah banglo yang tebal itu milik ahli perniagaan yang berjaya.  
C Kayu yang panjang itu dipotong oleh Abu untuk dijadikan kayu api.  
D Adib memakai topi yang tinggi semasa gotong-royong menceriaikan sekolah.

#### Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada waktu petang, Fendi dan adiknya bermain di taman permainan. Mereka ke sana dengan ibu bapa mereka. Fendi bermain papan gelongsor.

Adik Fendi suka bermain palang besi. Dia bergayut pada palang besi itu. Apabila letih, mereka berehat dan minum air.

- 4 Siapakah yang bermain di taman permainan?
  - A Fendi
  - B Adik Fendi
  - C Fendi dan adiknya
  - D Fendi dan ibu bapanya
  
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
  - A Mereka ke sana dengan ibu mereka.
  - B Fendi bermain palang besi bersama adiknya.
  - C Fendi bermain papan gelongsor di taman permainan.
  - D Fendi dan adiknya pergi ke taman permainan pada waktu pagi.
  
- 6 Berikut adalah pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan *kecuali*
  - A Fendi bermain papan gelongsor.
  - B adik Fendi bermain palang besi.
  - C Fendi dan adiknya berehat apabila letih.
  - D Fendi dan adiknya berebut-rebut semasa bermain palang besi.

### Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### BAHAN 1

Bunga raya merupakan bunga kebangsaan Malaysia. Bunga raya terkenal di seluruh negara. Bunga ini *mempunyai* warna dan bentuk yang menarik. Bunga ini juga mudah didapati di seluruh negara. Pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan sangat tepat kerana memiliki lima kelopak yang melambangkan lima pecahan Rukun Negara.

#### BAHAN 2

### **Pertandingan Mewarna Bunga Raya SJKC Ming Hua**



Tarikh : 15.08.2024  
Masa : 8.00 pagi  
Tempat : Dewan Serbaguna

*Mempunyai* dua kategori

- \* Tahap 1
- \* Tahap 2

Daftarlh Sekarang!  
Hadiah lumayan menanti anda!

7 Bunga raya merupakan bunga kebangsaan negara \_\_\_\_\_.

- A Malaysia
- B Singapura
- C Indonesia
- D Filipina

8

Bunga raya terkenal di seluruh negara.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
- B batang.
- C keping.
- D kuntum.

9 Perkataan *mempunyai* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A melepas.
- B memiliki.
- C mengambil.
- D membiarkan.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Bunga raya sukar didapati di seluruh negara.
- B Bunga raya mempunyai enam kelopak yang menarik.
- C Bunga raya melambangkan empat prinsip rukun negara.
- D Bunga raya mempunyai warna dan bentuk yang menarik.

**Bahagian B**  
[10 markah]

**Soalan 1**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada hujung minggu, Encik Chan melakukan aktiviti menanam sayur-sayuran seperti cili, bendi dan sebagainya. Sayur-sayuran itu ditanam di dalam pasu kerana kediaman mereka tidak mempunyai kawasan tanah yang luas. Kawasan kediaman Encik Chan kelihatan cantik dan menghijau.

Encik Chan menyiram sayur-sayuran pada setiap petang. Beliau turut membubuh baja agar sayur-sayuran hidup subur.

1 (a) Encik Chan melakukan aktiviti menanam sayur-sayuran pada \_\_\_\_\_.

[1 markah]

(b) Mengapakah sayur-sayuran itu ditanam di dalam pasu?

---

---

[2 markah]

c) Gariskan **satu kata berimbuhan awalan** yang terdapat dalam ayat diberi.

Encik Chan menyiram sayur-sayuran itu pada setiap petang.

[1 markah]

d) Pilih dan tandakan ( ✓ ) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Kawasan kediaman Encik Chan kelihatan cantik dan menghijau.

|                                                             |  |
|-------------------------------------------------------------|--|
| Kawasan cantik dan menghijau kelihatan kediaman Encik Chan. |  |
| Kelihatan cantik dan menghijau kawasan kediaman Encik Chan. |  |

[1 markah]

## Soalan 2

*Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.*

Seorang murid telah berbuat bising semasa berada di dalam perpustakaan.

2 Sebagai seorang pengawas pusat sumber, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

---

---

---


---

---

[5 markah]

**Bahagian C**  
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang amalan berjimat dalam kehidupan seharian.  
Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara menjimatkan perbelanjaan**.  
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu** perenggan.  
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



---

---

---

---

---

---

---

---


---

[10 markah]

**Bahagian D**  
**[20 markah]**

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.*

**AKTIVITI GOTONG-ROYONG**



This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.